

# **Lencongan baru di Jalan Tong Shin**

KUALA LUMPUR 14 Sept.  
- Satu lencongan baru akan dilaksanakan di Jalan Tong Shin dari Bukit Bintang bermula pukul 7 pagi esok sehingga penghujung 2015.

Lencongan itu adalah bagi melancarkan kerja-kerja pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) di kawasan itu.

Pemaju projek, Mass Rapid Transit Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp) dalam kenyataan akhbaranya memaklumkan, lencongan itu merupakan sebahagian daripada pelan pengurusan trafik bagi memastikan lalu lintas berjalan lancar.

“Selain penghadang keselamatan, kon trafik di kawasan pembinaan akan diletakkan bagi meminimumkan kesulitan kepada pengguna jalan raya dan pejalan kaki,” kata MRT Corp dalam kenyataannya di sini.

Maklumat lanjut boleh diperoleh di [mymrt.com.my](http://mymrt.com.my) atau [mymrt-underground.com.my](http://mymrt-underground.com.my), twitter @MRTMalaysia atau twitter @MyMRT atau boleh menghubungi talian bebas tol MRT di 1-800-82-6868.